


RAWAT DIABETES DENGAN JARDIANCE



SENAMAN dan pemakanan sihat boleh mencegah penyakit berbahaya.

Sejenis ubat preskripsi diguna bersama diet dan senaman untuk kurangkan gula darah



DR Nor Azmi bersama (dari kiri) Dr Chan, Mark dan Dr Zanariah melancarkan ubat diabetes Jardiance di Malaysia.



DR Nor Azmi



DR Zanariah

lalui insulin. Jardiance juga mengurangkan penyerapan semula glukosa ke dalam aliran darah, membolehkan glukosa berlebihan mengalir menerusi air kencing, membolehkan perkumuhan glukosa kencing.

Dengan berbuat demikian, perencat SGLT2 didapati cara yang berkesan untuk mengurangkan glukosa darah dalam badan dengan kesan positif terhadap berat badan dan tekanan darah. Bagaimanapun, ubat ini tidak sesuai bagi pesakit dengan diabetes jenis 1.

Pakar Runding Endokrinologi dan ahli majlis Persatuan Endokrin dan Metabolik Malaysia (MEMS) Dr Zanariah Hussein berkata, hasil ujian baru-baru ini menunjukkan kesan positif Jardiance.

Katanya, diabetes ialah sejenis penyakit menjejaskan upaya yang dialami oleh 3.3 juta rakyat Malaysia dan kira-kira 75 peratus daripada kematian penghidap diabetes disebabkan penyakit kardiovaskular.

"Justeru, terdapat keperluan untuk menangani potensi risiko yang ditimbulkan oleh diabetes menerusi kerumitan berkaitan diabetes," katanya pada majlis pelancaran Jardiance di ibu negara, baru-baru ini.

Turut hadir Presiden

MEMS Prof Dr Nor Azmi Kamaruddin dan Pengurus Besar Boehringer Ingelheim Malaysia, Mark Lewis.

Sementara itu, Pakar Runding Endokrinologi dan ahli majlis MEMS, Prof Dr Chan Siew Pheng berkata, kajian terhadap Jardiance menunjukkan hasil yang menggalakkan dan ubat itu di harap akan dapat membantu penghidap diabetes mengawal penyakit masing-masing dengan lebih baik.

Katanya, sebagai pengamal perubatan, pihaknya gembira dan mengalu-alukan satu lagi pilihan rawatan bagi pesakit memandangkan tahap penularan diabetes yang tinggi di negara ini.

Ubat ini juga terbukti mempunyai manfaat tambahan seperti membantu pesakit mencapai glycated hemoglobin (A1C) kurang daripada tujuh peratus dan mengurangkan paras gula darah puasa secara purata sebanyak 19 atau 25 mata (mg/dL).

Walaupun Jardiance tidak direka cipta untuk membantu pesakit mengurangkan berat badan atau mengurangkan tekanan darah, kajian mendapati ia membantu pesakit melakukan kedua-duanya iaitu mengurangkan berat badan dan mengurangkan tekanan darah sistolik

Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@hmetro.com.my

Memandangkan seorang daripada enam rakyat Malaysia menghidap diabetes, populasi ini lebih cenderung mengalami kerumitan berkaitan diabetes seperti penyakit kardiovaskular, buta dan kegagalan buah pinggang.

Menurut Kajian Kesihatan dan Kemorbidan Kebangsaan (NHMS) 2015, kekerapan diabetes di Malaysia adalah pada tahap 17.5 peratus dan kira-kira 1.7 juta orang kini hidup dengan diabetes yang belum didiagnos.

Statistik ini menunjukkan terdapat keperluan segera yang belum dipenuhi bagi rawatan baru yang berusaha mengurangkan tahap glukosa darah.

Justeru, penghidap

penyakit itu kini boleh memanfaatkan Jardiance (empagliflozin), sejenis ubat preskripsi yang digunakan bersama diet dan senaman untuk mengurangkan gula darah dalam kalangan dewasa yang menghidap diabetes jenis 2. Jardiance diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah pada 2014 dan kini ubat berkenaan boleh didapati di negara ini.

Jardiance ialah perencat pengangkut bersama glukosa natrium 2 (SGLT2) sangat terpilih yang diambil sekali sehari dan diluluskan sebagai rawatan bagi orang dewasa yang menghidap diabetes jenis 2.

Sebagai perencat SGLT2, Jardiance menyasarkan glukosa secara langsung dan bertindak secara bebas daripada fungsi sel dan